



ATLET Universiti Malaysia Sabah (UMS) merai kejayaan mereka muncul selaku juara keseluruhan Kejohanan Poomsae Taekwondo Sabah Pertama 2016 di Dewan Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Beaufort kelmarin.

UMS juara Taekwondo Poomsae

UB 7.11.2016 ALB
KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) muncul selaku juara keseluruhan Kejohanan Poomsae Taekwondo Sabah Pertama 2016 yang berakhir di Dewan Datuk Seri Panglima Haji Mohd Dun, Beaufort kelmarin.

Pasukan Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) itu

memenangi empat emas dan dua perak untuk mendominasi kategori Terbuka.

Empat pingat emas dimenangi melalui Raymond Toh Meng Hui dalam Kategori C, Bernicael (Kategori A), pasukan gandingan Helena, Dk Nurfarhanah dan Chong Hui Ming dalam Kategori

A Berpasukan Wanita dan gandingan Song Lu Biao dan Helena dalam Kategori A Berdua Campuran.

Dua pingat perak pula diperolehi melalui Song Lu Biao dalam Kategori A serta gandingan Dk Nurfarhanah dan Bernicael dalam Kategori A Berdua Campuran. **-Oleh**

DESMOND QWEK